

# PELAN STRATEGIK
## MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM
## 2026 - 2030
BERDAYA · BERBAKTI · BERKUALITI



# ISI KANDUNGAN


M/S

**1. PENDAHULUAN** 01
1.1 Perutusan Yang Dipertua 02
1.2 Ringkasan Eksekutif 03

**2. PENGENALAN** 05
2.1 Latar Belakang 06
2.2 Kawasan Pentadbiran 07
2.3 Maklumat Umum Sabak Bernam 09
2.4 Carta Organisasi 10
2.5 Fungsi Utama 11
2.6 Punca Kuasa 12

**3. HALA TUJU STRATEGIK** 13
3.1 Visi dan Misi 14
3.2 Objektif 14
3.3 Moto dan Slogan 14
3.4 Nilai-nilai Bersama 15

**4. ANALISA SENARIO PERSEKITARAN** 17
4.1 Pihak Berkepentingan Organisasi 18
4.2 Isu dan Cabaran Strategik 19
4.3 Dasar-Dasar Berkaitan 20

**5. STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN** 21
5.1 Teras Strategik 1 25
5.2 Teras Strategik 2 31
5.3 Teras Strategik 3 39
5.4 Teras Strategik 4 47

**6. PENUTUP** 53
6.1 Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan 54
6.2 Elemen Penentu Kejayaan dan Hala Tuju 55
6.3 Jawatankuasa Pelan Strategik MDSB 57
6.4 Pencapaian MDSB 2021-2025 58-60
6.5 Penghargaan 61
6.6 Penutup 62
6.7 Glosari 62

# 01

# PENDAHULUAN

Perutusan Yang Dipertua
Ringkasan Eksekutif

# PERUTUSAN
## YANG DIPERTUA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, salam ‘Kita Selangor Maju Bersama’ dan salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin Allah SWT, Pelan Strategik Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) 2026–2030 telah disediakan dan diterbitkan. Dokumen ini menjadi hala tuju utama MDSB bagi tempoh lima tahun akan datang, memandu perancangan, pelaksanaan dan penilaian pembangunan serta penyampaian perkhidmatan perbandaran secara strategik.

Menjelang tahun 2030, MDSB menyasarkan suatu gagasan pembangunan yang mampan, dinamik, sistematik dan berteraskan teknologi pintar, seiring dengan usaha berterusan untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Aspirasi ini selaras dengan peranan dan tanggungjawab MDSB sebagai sebuah kerajaan tempatan yang progresif dan responsif terhadap keperluan masyarakat.

Bagi memastikan Pelan Strategik MDSB 2026-2030 dilaksanakan secara berkesan dan berimpak tinggi, empat teras strategik telah digariskan sebagai tunjang utama pelaksanaan dalam tempoh lima tahun ini. Teras-teras tersebut dirangka menyeluruh, mengambil kira cabaran semasa, potensi setempat dan keperluan pembangunan masa hadapan Sabak Bernam.

Kita berharap agar agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan, pemain industri, individu dan komuniti setempat berganding bahu sebagai satu pasukan mantap dalam merealisasikan hasrat menjadikan **Sabak Bernam Kota Agropolitan** yang berdaya saing dan sejahtera. Berlandaskan kekuatan sumber daya yang dimiliki, daerah Sabak Bernam diyakini berupaya berkembang dan setanding dengan perbandaran serta bandar raya lain, dengan identiti serta pendekatan pembangunan yang tersendiri.



Akhir kata, besarlah harapan saya agar segala perancangan dan pelaksanaan yang digariskan dalam Pelan Strategik ini mendapat keredaan Allah SWT serta selari dengan **Agenda Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDGs),** khususnya dalam mewujudkan bandar dan komuniti yang mampan, memacu pertumbuhan ekonomi setempat, memelihara alam sekitar serta meningkatkan kesejahteraan sosial demi kualiti hidup masyarakat Sabak Bernam yang lebih inklusif dan lestari.

Sekian, terima kasih.

# RINGKASAN
## EKSEKUTIF

Selaras dengan moto MDSB iaitu Sabak Bernam Kota Agropolitan, pihak pengurusan bersama seluruh warga kerja MDSB komited untuk merealisasikan aspirasi tersebut melalui penyediaan Pelan Strategik MDSB 2026-2030. Dokumen ini menjadi panduan utama dalam menetapkan hala tuju strategik, keutamaan pembangunan serta pendekatan pentadbiran MDSB bagi tempoh lima tahun akan datang.

Pelan strategik ini dirangka hasil perbincangan menyeluruh dan perkongsian idea secara kolektif yang melibatkan pelbagai peringkat pengurusan. Penyediaannya mengambil kira keperluan semasa organisasi, jangkaan pelanggan serta cabaran persekitaran yang semakin dinamik. Selain itu, pelan strategik ini turut berpandukan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dan Negeri Selangor, aspirasi pembangunan negara serta amalan terbaik tadbir urus Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi memperkukuh agenda Sabak Bernam sebagai Kota Agropolitan, MDSB telah menetapkan visi, misi dan objektif yang jelas serta berfokus. Penekanan diberikan kepada keseimbangan antara pembangunan fizikal, kelestarian ekonomi, kesejahteraan sosial dan pemeliharaan alam sekitar selaras dengan prinsip pembangunan mampan dan inklusif.

Pelan Strategik MDSB 2026-2030 menggariskan empat (4) teras strategik, lima belas (15) strategi dan lima puluh dua (52) inisiatif yang dirangka untuk memperkukuh tadbir urus organisasi, memperkasa sumber ekonomi tempatan, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan perbandaran, serta membangunkan komuniti yang inklusif dan berdaya tahan. Pelaksanaan setiap strategi disokong oleh mekanisme pemantauan yang sistematik bagi memastikan pencapaian sasaran dapat dinilai secara berterusan.

Secara keseluruhannya, Pelan Strategik MDSB 2026-2030 merupakan dokumen rujukan penting yang mencerminkan komitmen MDSB untuk kekal relevan, progresif dan responsif terhadap perubahan. Dengan sokongan padu semua pihak berkepentingan, pelan ini diyakini mampu memacu pembangunan daerah ke arah perbandaran agropolitan yang mampan, berdaya saing dan sejahtera.



# 02

# PENGENALAN

Latar Belakang
Kawasan Pentadbiran
Maklumat Umum
Carta Organisasi
Fungsi Utama
Punca Kuasa

# LATAR BELAKANG

MDSB merupakan salah satu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan yang ada di negeri Selangor. Sebelum tahun 1977, daerah Sabak Bernam ditadbir oleh Majlis Tempatan dan Lembaga Bandaran seperti berikut:

- Majlis Tempatan Sekinchan;
- Lembaga Bandaran Sabak Bernam;
- Majlis Tempatan Sungai Besar; dan
- Majlis Tempatan Sungai Air Tawar

Pada tahun 1977, Majlis Tempatan dan Lembaga Bandaran ini dimansuhkan dan digabungkan bagi membentuk sebuah pihak berkuasa tempatan yang lebih tersusun dikenali sebagai MDSB bagi membolehkan pelaksanaan dasar pembangunan yang menyeluruh untuk semua bahagian daerah yang meliputi kawasan:

- Bandar Sekinchan;
- Kampung Kian Sit (Sekinchan Site A);
- Pekan Pasir Panjang;
- Pekan Sungai Nibong;
- Pekan Simpang Lima;
- Pekan Sungai Haji Dorani;
- Bandar Sungai Besar;
- Pekan Merbau Berdarah;
- Pekan Bagan Terap;
- Bandar Sabak;
- Pekan Bagan Nakhoda Omar.
- Pekan Sungai Air Tawar; dan
- Pekan Parit Baru.

Pada 27 Mei 2010, seluruh daerah Sabak Bernam telah diwartakan sebagai kawasan pentadbiran MDSB melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No 1564



# KAWASAN PENTADBIRAN




1.19% (1,219.28 hek.) Perumahan

0.14% (140.96 hek.) Komersial

0.12% (123.17 hek.) Industri

0.76% (780.79 hek.) Institusi & Kemudahan Masyarakat

46.93% (48,187.01 hek.) Pertanian

1.29% (1,320.52 hek.) Infrastruktur & Utiliti

39.47% (40,521.44 hek.) Hutan

55.06% (55.06 hek.) Tanah Lapang & Rekreasi

0.51% (528.43 hek.) Tanah Kosong

2.81% (2,888.15 hek.) Pantai

2.74% (2,813.17 hek.) Badan Air

3.98% (4,090.72 hek.) Pengangkutan

**Petunjuk :**

**Utama**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1.19% | Perumahan | 46.93% | Pertanian |
| 0.14% | Komersial | 27.26% | Padi |
| 0.12% | Industri | 0.33% | Akuakultur |
| 0.05% | Tanah Lapang & Rekreasi | 39.47% | Hutan |
| 1.29% | Infrastruktur & Utiliti | 2.74% | Badan Air |
| 3.98% | Pengangkutan | 2.81% | Pantai |
| 0.51% | Tanah Kosong | | |

**Lain - Lain**

- Bandar / Pekan*
- Jalan Persekutuan 5
- Jalan Negeri
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Laluan Retis
- Kelong Peradise

**Institusi dan Kemudahan Masyarakat**

- Pendidikan
- Kesihatan
- Keagamaan
- Perkuburan
- Keselamatan / Kegunaan Kerajaan
- Kemudahan Awam
- Rumah Kebajikan / Rumah Persatuan

# PROFIL SEMASA



**5 Mukim**

**Panchang Bedena**
**18,952.84 hek.**

**Sabak**
**15,929.10 hek.**

**Sungai Panjang**
**27,952.10 hek.**

**Pasir Panjang**
**30,157.81 hek.**

**Bagan Nakhoda Omar**
**9,676.85 hek.**

**Keluasan JUPEM: 99,311.08 hek.**
**Keluasan RT: 102,668.70 hek.**

| | |
|---|---|
| **PENTADBIRAN** | ○ Majlis Daerah Sabak Bernam |
| **PARLIMEN** | ○ P092 Sabak Bernam<br>○ P093 Sungai Besar |
| **DUN** | ○ N01 Sungai Air Tawar<br>○ N02 Sabak<br>○ N03 Sungai Panjang<br>○ N04 Sekinchan |






# MAKLUMAT UMUM

## KAWASAN PELANCONGAN

- Bandar Sekinchan
- Pantai Redang, Sekinchan
- Pantai Batu 23, Sungai Nibong
- D’Muara Marine Park, Sungai Haji Dorani
- Pusat Konservasi Kelip-Kelip Sungai Panjang
- Muzium Pertanian dan Perikanan Sabak
- Pantai Bagan Nakhoda Omar (BNO)
- Kelong Paradise, BNO
- Pantai Bumi Hijau, Kampung Banting
- Pantai Sungai Lang, Parit Baru

## TEMPAT WARISAN

- Masjid Jin, Panchang Bedena
- Balai Polis Sungai Air Tawar
- Pekan Sabak
- Masjid Marzukiah, Lubuk Pusing



# CARTA ORGANISASI

## MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM



# FUNGSI UTAMA

**01** Memberikan serta meningkatkan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti, cekap dan berintegriti kepada masyarakat.

**02** Mewujudkan persekitaran perbandaran yang bersih, indah dan kondusif.

**03** Memastikan perancangan bandar dan kawalan pembangunan dilaksanakan secara teratur dan tersusun.

**04** Memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum kearah pembentukan komunitiyang bertanggungjawab serta mempunyai kesedaran sivik.

**05** Menyelia dan menyelenggara infrastruktur awam secara berterusan.

# PUNCA KUASA


01
Perlembagaan Persekutuan
02
Akta
03
Enakmen
04
Undang-Undang Kecil
05
Peraturan
06
Pekeliling
07
Arahan
08
Kaedah
09
Garis Panduan

# 03

# HALA TUJU STRATEGIK

Visi dan Misi
Objektif
Moto dan Slogan
Nilai-Nilai Bersama

# HALA TUJU STRATEGIK

## VISI

KOTA AGROPOLITAN 2030

## MISI

PENERAJU PERBANDARAN AGROPOLITAN LESTARI

## OBJEKTIF

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG CEKAP,INKLUSIF DAN BERIMPAK TINGGI DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

## MOTO

SABAK BERNAM KOTA AGROPOLITAN

## SLOGAN

BERDAYA • BERBAKTI • BERKUALITI

# NILAI-NILAI BERSAMA

**M** (Majlis)

**MESRA**
Memberikan perkhidmatan yang berhemah, profesional dan mesra pelanggan

**D** (Daerah)

**DINAMIK**
Berkeupayaan menyesuaikan strategi, struktur dan pelaksanaan program secara berterusan dan proaktif bagi mendepani perubahan persekitaran, keperluan masyarakat serta hala tuju dasar kerajaan demi memastikan pembangunan bandar yang mampan dan tadbir urus berkesan

**S** (Sabak)

**SISTEMATIK**
Bekerja secara teratur dan pintar bagi melaksanakan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti bagi memastikan keberkesanan, pemantauan yang tepat dan impak yang berterusan

**B** (Bernam)

**BERDAYA**
Mempunyai keupayaan untuk bersaing secara efektif melalui inovasi, kecekapan serta penggunaan sumber secara optimum dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat

**K** (Kota)

**KOMITMEN**
Kesungguhan, tanggungjawab dan iltizam yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat serta memenuhi dasar dan objektif secara berkesan dan berintegriti

**A** (Agropolitan)

**AKAUNTABILITI**
Sentiasa mengamalkan kejujuran dan rasa tanggungjawab demi memastikan perkhidmatan yang adil dan berintegriti kepada masyarakat

# 04

# ANALISA SENARIO PERSEKITARAN

Pihak Berkepentingan
Isu dan Cabaran
Dasar-Dasar Berkaitan

# PIHAK BERKEPENTINGAN

MDSB sentiasa bekerjasama dengan pihak luar dan pihak berkepentingan dalam menyampaikan dan melaksanakan perkhidmatan yang diberikan. Pihak berkepentingan ini boleh dikategorikan seperti berikut:

## 01 PEMEGANG TARUH

- Institusi Diraja
- Kerajaan Persekutuan
- Kerajaan Negeri
- Ahli Majlis

## 02 PELANGGAN

- Agensi Kerajaan/Swasta
- Orang Awam/ Penduduk Pengunjung dan Pelancong
- Pengusaha Perniagaan dan Perindustrian
- Pemaju/ Perunding
- Kontraktor/ Pembekal
- Pelabur

## 03 RAKAN STRATEGIK

- Agensi Kerajaan/ Swasta
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Institusi Perbankan
- Pemimpin Setempat (Ahli Parlimen / Ahli Dewan Undangan Negeri)
- Jawatankuasa Penduduk
- Pemaju/ Perunding
- Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- Syarikat Utiliti
- Media Pemain Industri
- Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
- Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC)

# ISU DAN CABARAN

**KEKUATAN (Strengths)**

- Kakitangan yang berkemahiran dan berpengalaman luas
- Komitmen pengurusan tertinggi
- Sistem perundangan yang jelas
- Penguatkuasaan cekap dan berkesan
- Kolaboratif strategik bersama pihak berkepentingan

**KELEMAHAN (Weaknesses)**

- Penyampaian maklumat belum menyeluruh
- Ekspektasi masyarakat yang tinggi terhadap perkhidmatan
- Keperluan mendapatkan peruntukan yang mencukupi
- Pewartaan kawasan keterjaminan makanan dan hutan simpan membataskan pembangunan

weaknesses




**PELUANG (Opportunities)**

- Pengurusan alam sekitar berteknologi dan bersistematik
- Dasar dan garis panduan yang menyokong kepada pembangunan komuniti
- Kerjasama yang baik daripada masyarakat
- Kesedaran masyarakat terhadap kebersihan dan keselamatan semakin meningkat
- Kepelbagaian sumber ekonomi yang baharu
- Infrastruktur telekomunikasi yang semakin maju
- Tren peralihan ke arah kehidupan lestari
- Permintaan tinggi terhadap agro pelancongan dan ekopelancongan

**ANCAMAN (Threats)**

- Kepelbagaian ideologi politik
- Penerimaan tahap pematuhan peraturan masih minimum
- Perubahan iklim yang tidak menentu
- Perubahan demografi penduduk
- Kemudahan dan penggunaan teknologi belum optimum
- Kemudahan infrastruktur awam terhad

# DASAR-DASAR BERKAITAN

Dasar-dasar berkaitan yang digunakan sebagai rujukan dan panduan bagi penyediaan Pelan Strategik MDSB 2026-2030 seperti yang berikut:

| BIL | DASAR - DASAR |
|---|---|
| 1 | MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS -SDG) |
| 2 | RANCANGAN MALAYSIA KE-13 |
| 3 | AKTA ILTIZAM |
| 4 | MALAYSIA MADANI |
| 5 | PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI 2022-2026 (ORGANIZATION ANTI CORRUPTION PLAN -OACP) |
| 6 | PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2021-2025 |
| 7 | PENGADAPTASIAN KECERDASAN BUATAN (ARTIFICIAL INTELLIGENCE -A.I.) SEKTOR AWAM |
| 8 | RANCANGAN SELANGOR 1 (RS1) -2025 |
| 9 | AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (ARPA) 2025 |
| 10 | REFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN DAN TADBIR URUS NEGERI SELANGOR (RSTU) |
| 11 | PELAN TINDAKAN PINTAR NEGERI SELANGOR 2025 (SMART SELANGOR ACTION PLAN –SSAP 2025) |
| 12 | RANCANGAN STRUKTUR NEGERI 2035 |
| 13 | RANCANGAN TEMPATAN MDSB 2035 |

# 05

# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

Teras Strategik 1
Teras Strategik 2
Teras Strategik 3
Teras Strategik 4

# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN



# Teras Strategik

| Teras | Strategi |
|---|---|
| **Teras 1**<br>**Tadbir Urus Organisasi Cemerlang** | Strategi 1 - Memperkasa Tadbir Urus Jabatan;<br>Strategi 2 - Memperkasa Budaya Kerja Cemerlang;<br>Strategi 3 - Meningkatkan Visibiliti dan Imej Jabatan;<br>Strategi 4 - Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif. |
| **Teras 2**<br>**Kelestarian Sumber Ekonomi** | Strategi 1 - Membangunkan Ekosistem Ekonomi Komprehensif;<br>Strategi 2 - Mempelbagaikan Hasil |
| **Teras 3**<br>**Kecekapan Perkhidmatan Perbandaran** | Strategi 1 - Mempertingkat Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam;<br>Strategi 2 - Memperkasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam;<br>Strategi 3 - Memelihara Landskap Persekitaran dan Kelestarian Alam;<br>Strategi 4 - Meningkatkan Penguatkuasaan dan Pemantauan yang Efisien;<br>Strategi 5 - Membangunkan Bandar Hijau dan Pintar yang Mampan. |
| **Teras 4**<br>**Pembangunan Komuniti Inklusif** | Strategi 1 - Membangunkan Komuniti Sejahtera<br>Strategi 2 - Memperkasa Keusahawanan Dalam Komuniti<br>Strategi 3 - Memperkasa Agro Pelancongan dan Kebudayaan<br>Strategi 4 - Memperkasa Pembangunan Belia dan Sukan Daerah |

# TERAS STRATEGIK 1

## ‘TADBIR URUS ORGANISASI CEMERLANG’

# RUMUSAN

**TERAS 1: TADBIR URUS ORGANISASI CEMERLANG**

| Strategi | Program | Penjajaran SDG |
|---|---|---|
| **S1 - Memperkasa Tadbir Urus Jabatan** | P1: Pembangunan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM)<br><br>P2: Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko 2026-2030<br><br>P3: Pembangunan Pelan Audit MDSB 2026-2030<br><br>P4: Penyemakan semula Tatacara Pengendalian Piawai *(SOP)* jabatan<br><br>P5: Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan MDSB 2026-2030<br><br>P6: Pematuhan *Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA)* | |
| **S2 - Memperkasa Budaya Kerja Cemerlang** | P1: Penyertaan atau pengiktirafan<br><br>P2: Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi 2027-2031 (OACP)<br><br>P3: Pemerkasaan program pembudayaan inovasi | |
| **S3 - Meningkatkan Visibiliti dan Imej Jabatan** | P1: Penambahbaikan manual korporat<br><br>P2: Penambahbaikan penerbitan video korporat | |
| **S4 – Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif** | P1: Naik taraf ruang pejabat | |

# TERAS 1 : TADBIR URUS ORGANISASI CEMERLANG

## STRATEGI 1

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 1**<br><br>Memperkasa Tadbir Urus Jabatan | 1. Pembangunan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) | | | | | | | Peningkatan prestasi sumber manusia | 2026 - 2030 | Peneraju: JKP<br><br>Ahli: Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Fasa pembangunan | Bilangan pelan | 1 | | | | | | | |
| | ii. Fasa pelaksanaan | Bilangan laporan | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | iii. Fasa semakan | Bilangan laporan | | | 1 | | 1 | | | |
| | 2. Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko 2026-2030 | | | | | | | Peningkatan prestasi tadbir urus | 2026 - 2030 | Peneraju: JKP<br><br>Ahli: Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Fasa pembangunan | Bilangan pelan | 1 | | | | | | | |
| | ii. Fasa pelaksanaan | Bilangan laporan | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | iii. Fasa semakan | Bilangan laporan | | | 1 | | 1 | | | |

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 1**<br><br>Memperkasa Tadbir Urus Jabatan | 3. Pembangunan Pelan Audit MDSB 2026-2030 | | | | | | | Peningkatan keberkesanan kawalan dalaman dan pematuhan terhadap dasar dan polisi, prosedur dan peraturan | 2026 - 2030 | Peneraju: UAD<br><br>Ahli: Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Fasa pembangunan | Bilangan pelan | 1 | | | | | | | |
| | ii. Fasa pelaksanaan | Bilangan laporan | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | iii. Fasa semakan | Bilangan laporan | | | 1 | | 1 | | | |
| | 4. Penyemakan semula tatacara pengendalian piawai (SOP) jabatan | | | | | | | Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan | 2026 - 2030 | Peneraju: UP<br><br>Ahli: Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Semakan | Kekerapan semakan | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |

# TERAS 1 : TADBIR URUS ORGANISASI CEMERLANG

## STRATEGI 1

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 1**<br><br>Memperkasa Tadbir Urus Jabatan | 5. Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan MDSB 2026-2030 | | | | | | | Peningkatan kecekapan pengurusan | 2026 - 2030 | Peneraju: BTM<br><br>Ahli: Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Fasa pembangunan | Bilangan pelan | 1 | | | | | | | |
| | ii. Fasa pelaksanaan | Bilangan laporan | | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | iii. Fasa semakan | Bilangan laporan | | | 1 | | 1 | | | |
| | 6. Pematuhan *Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA)* | | | | | | | Penyediaan penyata kewangan yang tepat dan berintegriti | 2026 - 2030 | Peneraju: JP<br><br>Ahli: Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Fasa pelaksanaan sistem e-PBT 2.0 | Peratus Kemajuan | 50% | 50% | | | | | | |
| | ii. Permohonan pensijilan | Bilangan sijil | | | 1 | | | | | |

# TERAS 1 : TADBIR URUS ORGANISASI CEMERLANG

## STRATEGI 2

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 2**<br><br>Memperkasa Budaya Kerja Cemerlang | 1. Penyertaan atau pengiktirafan<br><br>i. Kompetensi<br>ii. Profesionalisme<br>iii. Kebangsaan<br>iv. Antarabangsa | Bilangan penyertaan | 2<br>2<br>2<br>1 | 2<br>2<br>2<br>1 | 2<br>2<br>2<br>1 | 2<br>2<br>2<br>1 | 2<br>2<br>2<br>1 | Peningkatan imej jabatan di dalam dan luar negara | 2026<br>-<br>2030 | Peneraju:<br>JKP<br><br>Ahli:<br>Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | 2. Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi 2027-2031 (OACP) | | | | | | | Peningkatan tahap integriti dan akauntabiliti | 2026<br>-<br>2030 | Peneraju:<br>UI<br><br>Ahli:<br>Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Kajian semula OACP 2022-2026 | Bilangan kajian | 1 | | | | | | | |
| | ii. Pembangunan Pelan Anti Rasuah 2027-2031 | Bilangan pelan | 1 | | | | | | | |
| | iii. Pemantauan | Bilangan pemantauan | | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | iv. Semakan keberkesanan OACP 2027-2031 | Bilangan semakan | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 2**<br><br>Memperkasa Budaya Kerja Cemerlang | 3. Pemerkasaan program pembudayaan inovasi | | | | | | | Peningkatan tahap pembudayaan tahap inovasi dalam kalangan warga jabatan | 2026<br>-<br>2030 | Peneraju:<br>JKP<br><br>Ahli:<br>Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Pembangunan inkubator | Bilangan program | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | | | |
| | ii. Pendaftaran hak cipta | Bilangan pendaftaran | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | iii. Pengkomersilan | Bilangan produk | | | 1 | | 1 | | | |

# TERAS 1 : TADBIR URUS ORGANISASI CEMERLANG

## STRATEGI 3

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 3**<br><br>Meningkatkan Visibiliti dan Imej Jabatan | 1. Penambahbaikan manual korporat | | | | | | | Peningkatan visibiliti dan imej jabatan | 2026 - 2030 | Peneraju: UKPA<br><br>Ahli: Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Fasa pembangunan | Bilangan manual | 1 | | | | | | | |
| | ii. Fasa pelaksanaan | Bilangan laporan | | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | iii. Fasa semakan | Bilangan laporan | | | 1 | | 1 | | | |
| | 2. Penambahbaikan penerbitan video korporat | | | | | | | Peningkatan visibiliti dan imej jabatan | 2026 - 2030 | Peneraju: UKPA<br><br>Ahli: Semua jabatan/ bahagian/ unit |
| | i. Fasa penerbitan | Bilangan video | 1 | | | | | | | |
| | ii. Fasa pelaksanaan | Bilangan laporan | | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | iii. Fasa semakan | Bilangan laporan | | | 1 | | 1 | | | |

## STRATEGI 4

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 4**<br><br>Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif | 1. Naik taraf ruang pejabat | | | | | | | Peningkatan produktiviti perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan berkesan | 2026 - 2030 | Peneraju: JK<br><br>Ahli: JKB BTM |
| | i. Bilik mesyuarat | Bilangan bilik mesyuarat | 1 | 1 | | | | | | |
| | ii. Kaunter berpusat | Bilangan kaunter berpusat | | | 1 | | | | | |
| | iii. Bilik kawalan | Bilangan bilik | | 1 | | | | | | |
| | iv. Bilik kesihatan | Bilangan bilik | | | 1 | | | | | |

# TERAS STRATEGIK 2

## ‘KELESTARIAN SUMBER EKONOMI’

# RUMUSAN

| TERAS 2: KELESTARIAN SUMBER EKONOMI | | |
|---|---|---|
| **Strategi** | **Program** | **Penjajaran SDG** |
| **S1 - Membangunkan Ekosistem Ekonomi yang Komprehensif** | P1: Pelan Tindakan Khas Perindustrian 2027-2031 (Taman Perindustrian Agropolitan Panchang Bedena)<br><br>P2: Penjenamaan semula premis perniagaan<br><br>P3: Pemudah cara Kawasan Pembangunan Sabak Bernam *(Sabak Bernam Development Area-SABDA)*<br><br>P4: Pelan Penstrukturan Semula Pekan-Pekan Kecil 2027-2031 (Sungai Air Tawar, Bagan Nakhoda Omar, Sungai Nibong, Pasir Panjang, Simpang Lima)<br><br>P5: Pembangunan Kompleks Agropolitan Sabak Bernam<br><br>P6: Pembangunan pusat rehat dan rawat<br><br>P7: Pengukuhan kerjasama strategik | |
| **S2 - Mempelbagaikan Hasil** | P1: Pewartaan aset-aset<br><br>P2: Kerjasama strategik dalam pembangunan tanah kerajaan (warta MDSB)<br><br>P3: Hasil kutipan<br><br>P4: Pemutihan inap desa<br><br>P5: Hasil pemutihan inap desa<br><br>P6: Caj baharu perkhidmatan program<br><br>P7: Semakan fi lesen di bawah Undang-Undang Kecil MDSB | |

# TERAS 2 : KELESTARIAN SUMBER EKONOMI

## STRATEGI 1

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 1**<br><br>Membangunkan Ekosistem Ekonomi yang Komprehensif | 1. Pelan Tindakan Khas Perindustrian 2027-2031 (Taman Perindustrian Agropolitan Panchang Bedena) | | | | | | | Pewujudan kawasan perindustrian berpusat ke arah pembangunan zon perindustrian terancang | 2026<br>-<br>2030 | Peneraju:<br>JPP<br><br>Ahli:<br>JPPH<br>JK<br>JKB<br>JLS<br>OSC |
| | i. Fasa pembangunan | Peratus kemajuan | 50% | 50% | | | | | | |
| | ii. Fasa Pelaksanaan | Bilangan laporan | | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | iii. Fasa semakan | Bilangan kajian | | | | 1 | | | | |
| | 2. Penjenamaan semula premis perniagaan | | | | | | | Pewujudan fasiliti perniagaan yang lebih kondusif | 2026<br>-<br>2030 | Peneraju:<br>JPPH<br><br>Ahli:<br>JPP<br>JK<br>JLS<br>JPKP<br>JKB<br>JPM |
| | i. Anjung Desa (Kedai PLB) | Bilangan kawasan | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |
| | ii. Premis | Bilangan premis | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | | | |

# TERAS 2 : KELESTARIAN SUMBER EKONOMI

## STRATEGI 1

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 1**<br><br>Membangunkan Ekosistem Ekonomi yang Komprehensif | 3. Pemudah cara Kawasan Pembangunan Sabak Bernam *(Sabak Bernam Development Area - SABDA)* | | | | | | | Pewujudan kawasan baharu secara terancang | 2026 - 2030 | Peneraju: JPP<br><br>Ahli: JPPH JK JKB JLS OSC |
| | i. Libat urus pihak berkepentingan | Kekerapan sesi | 3 | 3 | 3 | 3 | 3 | | | |
| | ii. Pemantauan pelaksanaan | Bilangan laporan | 3 | 3 | 3 | 3 | 3 | | | |
| | 4. Pelan Penstrukturan Semula Pekan-pekan Kecil 2027-2031 (Sungai Air Tawar, Bagan Nakhoda Omar, Sungai Nibong, Pasir Panjang, Simpang Lima) | | | | | | | Pembangunan semula pekan-pekan kecil secara tersusun berkonsepkan warisan | 2026 - 2030 | Peneraju: JPP<br><br>Ahli: JPPH JK JKB JLS |
| | i. Fasa pembangunan | Bilangan pelan | 1 | | | | | | | |
| | ii. Fasa Pelaksanaan | Bilangan projek | | 1 | 1 | 1 | 1 | | | |

# TERAS 2 : KELESTARIAN SUMBER EKONOMI

## STRATEGI 1

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 1**<br><br>Membangunkan Ekosistem Ekonomi yang Komprehensif | 5. Pembangunan Kompleks Agropolitan Sabak Bernam (KASA)<br><br>i. Pemantauan<br><br>ii. Pengoperasian | <br><br><br>Bilangan pemantauan<br><br>Peratus premis yang beroperasi | <br><br><br>3<br><br>- | <br><br><br>-<br><br>50% | <br><br><br>-<br><br>50% | <br><br><br>-<br><br>- | <br><br><br>-<br><br>- | Peningkatan hasil bukan cukai MDSB dan pertumbuhan ekonomi setempat | 2026 - 2030 | Peneraju: JPP<br><br>Ahli: JPPH JK JKB JLS JPL |
| | 6. Pembangunan pusat rehat dan rawat<br><br>i. Pemantauan<br><br>ii. Pengoperasian | <br><br>Bilangan pemantauan<br><br>Peratus premis yang beroperasi | <br><br>3<br><br>- | <br><br>-<br><br>50% | <br><br>-<br><br>50% | <br><br>-<br><br>- | <br><br>-<br><br>- | Peningkatan hasil bukan cukai MDSB dan pertumbuhan ekonomi setempat | 2026 - 2030 | Peneraju: JPP<br><br>Ahli: JPPH JK JKB JLS JPL |

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 1**<br><br>Membangunkan Ekosistem Ekonomi yang Komprehensif | 7. Pengukuhan kerjasama strategik<br><br>i. *Memorandum of Understanding (MOU)/ Memorandum of Aggreement (MOA)*<br><br>ii. Sesi libat urus | <br><br>Bilangan persetujuan<br><br>Kekerapan sesi | <br><br>1<br><br>1 | <br><br>1<br><br>1 | <br><br>1<br><br>1 | <br><br>1<br><br>1 | <br><br>1<br><br>1 | Peningkatan hasil melalui kerjasama strategik | 2026 - 2030 | Semua jabatan/ bahagian/ unit |

# TERAS 2 : KELESTARIAN SUMBER EKONOMI

## STRATEGI 2

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 2**<br><br>Mempelbagaikan Hasil | 1. Pewartaan aset-aset<br><br>i. Kerja-kerja ukur<br><br>ii. Permohonan pewartaan | Bilangan dokumen<br><br>Bilangan kawasan | 25<br><br>25 | 25<br><br>25 | 25<br><br>25 | 25<br><br>25 | 25<br><br>25 | Penambahan hasil daripada pembangunan kawasan warta | 2026 - 2030 | Peneraju: JPP<br><br>Ahli: JPPH |
| | 2. Kerjasama strategik dalam pembangunan tanah kerajaan (warta MDSB)<br><br>i. Tanah warta | Bilangan kerjasama | 1 | - | 1 | - | 1 | Peningkatkan hasil | 2026 - 2030 | Peneraju: JPPH<br><br>Ahli: JPP |

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 2**<br><br>Mempelbagaikan Hasil | 3. Hasil Kutipan<br><br>i. Peningkatan kutipan hasil melalui Sistem Penguatkuasaan Bersepadu (SPKB) | Peratus peningkatan kutipan hasil | 20% | 25% | 30% | 35% | 40% | Peningkatan kutipan hasil serta pengurusan penguatkuasaan yang sistematik | | Peneraju: JPK<br><br>Ahli: JP JPPH JK JPKP JKB JPL BTM UKPA |
| | ii. Peningkatan kutipan hasil melalui MyPatil | Peratus peningkatan kutipan hasil | 20% | 25% | 30% | 35% | 40% | Peningkatan kutipan hasil serta pengurusan hasil bukan cukai yang sistematik | | Peneraju: JPL JKB<br><br>Ahli: JP JPPH JK JPK JPKP BTM UKPA |

# TERAS 2 : KELESTARIAN SUMBER EKONOMI

## STRATEGI 2

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR | SASARAN | | | | | | TEMPOH | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *Output 2026* | *Output 2027* | *Output 2028* | *Output 2029* | *Output 2030* | *Outcome* | | |
| **STRATEGI 2**<br><br>Mempelbagaikan Hasil | 4. Pemutihan inap desa<br><br>i. Sesi libat urus<br><br>ii. Hebahan<br><br>iii. Pemantauan | <br><br>Kekerapan sesi<br><br>Kekerapan hebahan<br><br>Bilangan laporan | <br><br>1<br><br>24<br><br>3 | <br><br>1<br><br>24<br><br>3 | <br><br>1<br><br>24<br><br>3 | <br><br>-<br><br>24<br><br>3 | <br><br>-<br><br>24<br><br>3 | Premis inap desa beroperasi secara sah | 2026 - 2030 | Peneraju:<br>JPP<br><br>Ahli:<br>JK<br>JPK<br>JKB<br>JPKP<br>JPL<br>JPM<br>OSC<br>UKPA |
